

14 FEBRUARI 2018

Sofi Jikan kena dakwa

NAL | RABU 14 FEBRUARI 2018 • SINAR HARIAN

Sofi Jikan **kena dakwa**

Mengaku tidak bersalah tuduhan guna ganja, dibenar ikat jamin RM3,000

TUAN BUQHAIKHAH TUAN MURHAMAD ADNAN

PETALING JAYA - Pelakon filem *KZ Gengster*, Sofi Jikan, 48, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Petaling Jaya di sini, semalam, atas tuduhan menggunakan ganja, minggu lalu.

Sofi Jikan atau nama sebenarnya, Mohamad Shoffi Jikan, 48, didakwa memasukkan dadah jenis THC (tetra hydrocannabinol) ke dalam badannya di Pejabat Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya, jam 11.15 malam pada 6 Februari lalu.

Pendakwaan dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya, Natasha Chin Le Jy mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1957, jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM5,000 atau penjara dua tahun atau keduanya sekali, dan diwajibkan berada dalam pengawasan polis selama dua tahun.

Majistret Nurul Huda Zakariya

Tertuduh juga dikenali masyarakat, dan sebelum ini dia dibebaskan dengan jaminan polis. - Haniff

membenarkan jaminan RM3,000 dengan seorang penjamin.

Pelakon itu yang sebelum ini direman tiga hari, tiba di pekarangan kompleks mahkamah jam 9.15 pagi bersama peguamnya, Datuk Haniff Hassan.

Terdahulu, pada prosiding itu, Haniff memohon mahkamah membenarkan jaminan rendah atas alasan anak guamnya telah memberi kerjasama kepada polis.

"Tertuduh juga dikenali masyarakat, dan sebelum ini dia dibebaskan dengan jaminan polis.

"Hari ini (semalam) dia hadir ke mahkamah," katanya.

Foto: ROSLI TALIB



Sofi Jikan tiba di pekarangan Mahkamah Petaling Jaya, semalam.